



# Jasamu Dikenang




the aims. Amin..” (Petikan dari Blog - My Life As An Insan) merupakan kata azimat buat personaliti pilihan Jabatan HEPA untuk edisi kali ini.

Personaliti yang menjadi pilihan bagi dimuatkan dalam edisi kali ini adalah Mohd Mustafa Al Bakri bin Abdullah atau lebih mesra dengan panggilan Stopa. Dilahirkan pada 16 April 1979 di Kuala Terengganu, Terengganu Darul Iman, beliau memiliki Ijazah Sarjana Sains dalam bidang Seramik dari Universiti Sains Malaysia (USM) pada tahun 2005 dan Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan (Kepujian) - Kejuruteraan Awam juga daripada USM. Sebelum berkhidmat di Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) atau sebelum ini dikenali Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia (KUKUM), beliau pernah bertugas sebagai Pembantu Penyelidik di Pusat

Pengajian Kejuruteraan Awam di Universiti Sains Malaysia (USM) selepas menamatkan pengajiannya pada tahun 2002.

Mula berkhidmat di UniMAP (pada ketika itu dikenali sebagai KUKUM) pada 01 November 2002 sebagai Jurutera Awam (Pegawai Latihan Vokasional) di Jabatan Pembangunan KUKUM selama hampir 2 tahun sebelum dilantik sebagai Pensyarah di Pusat Pengajian Kejuruteraan Bahan, KUKUM (sebelum dijenamakan semula kepada UniMAP) pada 30 Jun 2005. Sepanjang tempoh perkhidmatan beliau di KUKUM dan UniMAP, beliau juga turut dilantik sebagai Pengetua Kolej-Kolej Kediaman yang keempat pada 01 November 2005 dan masih menjawat jawatan tersebut sehingga kini. Namun begitu, tanggungjawab yang lebih mencabar untuk beliau pikul apabila dilantik menjadi

**"I'm a simple and HAPPY GO LUCKY person. I will try my best to make sure that i'll do the best in everything in my task. I loved my work and family very much especially my TWO Heroes and My Supporting Wife. A lots of aims in my life. Hopefully I can achieved all**



## Tribute to STOPA

Timbalan Dekan Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni yang kedua (pada 01 Mac 2007 sehingga kini).

Cabaran dalam memikul tugas sebagai Pensyarah, Pengetua Kolej Kediaman dan Timbalan Dekan Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni tidak pernah melunturkan semangat beliau untuk terus menaburkan jasa dan bakti untuk UniMAP amnya dan khasnya para pelajar. Sepanjang beliau berkhidmat di Jabatan HEPA banyak usaha-usaha yang telah dijalankan untuk meningkatkan potensi diri pelajar. Melalui cetusan idea-idea yang dilontarkan oleh beliau berbagai-bagai program menjurus kepada pembangunan sahsiah pelajar telah berjaya dilaksanakan antaranya Program ENVEX (Engineering Invention & Innovation Exhibition) dan banyak lagi. Sikapnya yang mudah memberikan pandangan dan bimbingan amat disenangi oleh kakitangan Jabatan HEPA dan rakan-rakan.

Selain daripada sumbangan dalam pembangunan pelajar, beliau juga turut memberikan sumbangan dalam menaikkan nama UniMAP melalui kejayaan penyelidikan-penyeleidikan yang dijalankan dalam pertandingan penyelidikan yang disertai dan kejayaan yang terbaru adalah memenangi Pingat Emas dalam pertandingan Pameran Rekacipta Inovasi dan Teknologi Antarabangsa Ke-21 (ITEX' 10) pada 16 Mei dan turut membantu UniMAP untuk memperolehi kejayaan 100% dalam pertandingan tersebut.

Mendirikan rumah tangga dengan Norazian binti Mohamed Noor dan telah dikurniakan dengan dua orang cahaya mata, putera yang sulung bernama Aiman Safwan berusia 3 tahun dan putera yang bongsu bernama Ammar Syahmi berusia 1 tahun.



***"I loved my work and family very much especially my TWO Heroes and My Supporting Wife"***